

# Pemandangan Sepintas Lalu Melawat ke Tanah Suci

(Oleh: Edrus)

(II)

Setelah saya mengumpulkan barang-barang saya ke tepi, maka saya pun berpesan kepada teman yang berada di situ untuk tolong melihat-lihatkannya. Saya ketahui, kalau barang-barang itu diletakkan sahaja di tempat itu tidak mengapa kerana tidak ada kemungkinan<sup>1</sup> orang yang berani mengambilnya, terutamanya barang-barang kepunyaan orang-orang haji. Keamanan seperti ini adalah terjamin.

Kemudian saya pun masuklah ke dalam ruang tengah, di mana saya ketahui tentunya di sana ada wakil atau pejabat kapal terbang yang saya tumpangi untuk bertanyakan perihal passport saya. Sampainya saya di tempat itu, tiba-tiba saya terlihat suatu papan tergantung yang bertulis dengan Bahasa Arab di atasnya: (*Wizārah al-Haj-Isti'malāt*) dan di bawahnya bertulis di dalam Bahasa Inggeris yang berbunyi (*Minister of Hajj-Information*).

Melihat itu saya mara ke sana. Seorang kanak-kanak yang berumur lebih kurang 16 tahun ada di situ. Saya sengaja bertanya di dalam Bahasa Inggeris akan wakil Shaykh Mustafa Inderagiri. Pertanyaan saya tidak dijawabnya dan saya berfikir mungkin<sup>2</sup> kanak-kanak ini tidak tahu apa yang saya tanya.

Kemudian saya tanya pula dalam Bahasa Arab sekadar yang saya tahu,

“Siapa wakil. Shaykh Mustafa Inderagiri di Jeddah.” Dia diam. Kemudian ada sejurus lebih kurang lima minit baru saya mendapat jawapan menyatakan, “wakilnya ada di situ.” Dan ia pun menggunakan *loud speaker* (pembesar suara) memanggil wakil itu. Ditunggu-tunggunya tidak datang. Ada lebih kurang 20 minit saya menunggu tidak juga datang. (Yang dikehendaki wakil di sini ialah kuli yang bekerja di lapangan terbang).

Kemudian saya bertanya lagi. Sekali ini saya bertanya kepada seorang yang lebih tua - mungkin<sup>3</sup> ketuanya di situ. Saya bertanya - dijawabnya dengan Bahasa Melayu. Fikir saya *Alhamdulillah*. Tetapi pertanyaan saya kali kedua tidak dijawabnya. Ia bercakap-cakap dan berbual-bual kepada orang lain. Mukanya masam. Ini tentulah tidak menyenangkan bagi seseorang yang baru tiba di sana terutamanya yang belum tahu tabiat-tabiat orang-orang di situ. Bagi saya tentu perkara biasa kerana saya telah tiba ke sana tiga kali. Saya tanya lagi dengan suatu pertanyaan saya katakan, “adakah wakilnya itu berpejabat di Madinah al-Hajj bahagian kapal.” Dipandangnya saya, tetapi tidak dijawabnya. Saya diam juga. Saya tunggu sebagai orang-orang yang mengharap bantuan di situ. Bukan saya seorang tetapi banyak teman-teman pun begitu juga. Sekali lagi saya tanya, tidak juga berjawab. Kesabaran saya hilang dan tidak

berfikir panjang saya pun terus mengangkat beg saya mencari sebuah teksi lalu berjalan menuju ke Madinah al-Hujjā Bahagian Kapla. Untungnya saya tahu jalan. Kalau saya orang baru tentu payah.

## Menuju ke Madinah al-Hijāj

Bayaran yang bebas bagi teksi di dalam Jeddah satu kali naik dua riyal- jauh tau dekat sama. Tetapi kerana musim haji kawalan tidak ada. Syukur juga saya dimintanya tiga riyal dan saya ketahui lebih satu riyal - saya fikir tidak mengapalah asakan<sup>4</sup> saya lekas sampai. Perjalanan di antara padang kapal terbang dengan Madinah al-Hujjā bahagian laut lebih kurang empat batu. Setibanya di sana saya pun mencari nama Shaykh Ibrahim Juda yang terkenal juga dengan nama Ibrahim Turki. Biasanya bagi saya pada waktu-waktu yang lalu ialah Shaykh Mustafa Shibli Sarawak yang saya biasa tumpangi dan wakilnya di Jeddah Shaykh Salleh Judhr yang sekarang menjadi ketua shaykh-shaykh (dikenal juga dengan Shaykh Besar Jeddah).

Saya datang di sana. Kepada Shaykh Ibrahim Juda, saya tanya, “Di sinikah wakil Shaykh Mustafa Inderagiri?” katanya, “Ya”. Saya katakan, saya bershaykh dengan Shaykh Mustafa Inderagiri. Ia bertanya, “mana passport.” Saya bilang, “passport di lapangan terbang.” Ia bertanya kepada saya, “ada bawa wang.”

<sup>1</sup> Ejaan sebenar kemungkinan.

<sup>2</sup> Ejaan sebenar mungkin.

<sup>3</sup> Ejaan sebenar mungkin.

<sup>4</sup> Ejaan sebenar asalkan

saya jawab, “Bagaimana saya datang haji dengan tidak ada bawa wang, tentu saya ada bawa wang.” Ia tersenyum. Ia meminta saya membayar 284 riyal. Kata saya, “duit apa.”

Jawabnya, “Ini duit bayaran 84 riyal untuk Shaykh Jeddah dan bayaran bas dari Jeddah ke Makkah dan 200 riyal adalah bayaran yang diambilnya untuk Shaykh Makkah buat jamuan dan perbelanjaan-perbelanjaan Shaykh dalam musim haji.”

Saya katakan, saya tidak mahu bayar 284 riyal.

Dia marah kepada saya. Saya katakan, saya hanya hendak membayar 74 riyal yang biasa dibayar bagi Shaykh Jeddah - bayaran Shaykh Makkah akan saya bayar sendiri kepada Shaykh Makkah nanti.

Jawabnya, “Tidak boleh.” Saya jawab, “mengapa tidak boleh, saya sudah biasa berbuat begini dahulu. Di dalam masa itu seorang sahabat lama saya yang berkedai di Madinah al-Hujjāh melihat saya - ia pun berkejar kepada saya dan mengenalkan saya kepada Shaykh Jeddah itu dengan pengalaman itu, ia bersedia menerima 84 riyal - tidak 74 riyal kerana katanya sekarang telah naik sepuluh riyal lagi. Saya percaya ini tentulah peraturan baru dan saya pun taatlah lalu mengeluarkan wang sebanyak 84 riyal bagi bayaran itu.

Saya katakan kepadanya, hari ini juga saya mahu naik ke Makkah kerana saya datang berihram dari Zahran. Saya hendakkan surat izin (Tanazal) untuk naik ke Makkah. Ia menyanggupkan membuatnya dan menyuruh seorang anak buahnya pergi

ke padang terbang untuk mengambil pasport saya.

Apabila saya duduk lama menunggu-nunggu, wakil yang disuruh tadi balik membawa khabar bahawa saya tidak masuk kepada Shaykh Mustafa Inderagiri tetapi saya masuk kepada Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak yang dahulu saya biasa bershaykh kepadanya. Shayky Ibrahim Juda marah kepada saya, mengapa saya berbohong. Saya bilang tidak. Saya membuat pengakuan di Zahran dengan bertulis bahawa saya masuk kepada Shaykh Mustafa Inderagiri tidak kepada Shaykh Mustafa Shibli. Saya berkeras menetapkan kebenaran saya. Kerana itu saya dimintanya pergi ke lapangan terbang untuk menyelesaikan persoalan ini. Belanjanya tentu tidak dari dia - belanja teksi dari saya. Maklumlah ia tidak mahu bertelefon ke Madinah al-Hijāj bahagian kapal terbang.

Kerana hendak lekas saya pun beralahlah. Saya tidak mahu berkeras lagi. Saya pergi bersama-sama dengan orang suruhannya ke lapangan kapal terbang. Di sana saya dibawa berjumpa kepada seorang pegawai imigresen yang ada di situ. Ia pun bertanya kepada saya: “Awak keluar dari mana.” Saya jawab: “Saya tidak keluar di pintu soal.” Dia bertanya: “Mengapa tidak keluar di pintu soal.” Jawab saya, “Saya fikir tidak perlu di pintu soal, sebab saya datang dari Zahran. Dengan demikian fahamlah ia bahawa saya tidak memberikan soalan masuk kepada Shaykh Abdul Rahman Shibli

Sarawak tatkala saya masuk di Jeddah dan mengertilah ia bagaimana kecuaiannya dan kebenaran pegawai-pegawainya meletakkan cop dengan nama Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak kerana di dalam pasport saya dahulu masih ada bertulis nama Abdul Rahman al-Shibli Sarawak. Dengan kerana kesilapan itu berconteng-contenglah pasport saya kerananya dan ditukarlah pula kepada Shaykh Mustafa Inderagiri;

Setelah selesai persoalan ini yang mengiringi saya itu pun menasihatkan saya supaya mengambil sebuah teksi dari Madinah al-Hujjāh bahagian kapal terbang terus untuk pergi ke Makkah. Saya bertanya, “Bayarannya berapa.” Mungkin<sup>5</sup> lima belas riyal. Kata saya, mahal. Saya tidak mahu.

Katanya, marilah kita tawar kepada sais-sais teksi itu, mungkin<sup>6</sup> dia mahu kurang daripada ketetapan-ketetapan yang ditentukan. Saya pun mengangkatlah beg saya semula ke dekat-dekat teksi itu. Seorang pemuda datang mendekati saya sebagai seorang peraih teksi. Dia mengatakan bahawa seorang lagi kurang hendak pergi ke Makkah dan bayarannya 15 riyal. Dia terus mengambil barang-barang saya hendak muatkannya ke dalam teksinya. Saya katakan kepada yang membawa saya, saya tidak mahu naik dengan bayaran 15 riyal. Saya katakan kepadanya, kalau dia mahu 7 riyal, saya bersedia pergi kerana saya tahu bahawa dari padang kapal terbang ke tempat teksi terus ke Makkah bayarannya hanya 2 riyal dan dari tempat perhentian teksi Jeddah ke Makkah bayarannya 5 riyal - kebiasaan dalam musim haji. Mendengar perkataan.

<sup>5</sup> Ejaan sebenar mungkin.

<sup>6</sup> Ejaan sebenar mungkin.

itu pemuda teksi itu marah kepada teman saya lalu menuduh teman saya sengaja menahan orang mahu naik teksi. Pertengkaran berlaku dan saya biarkan mereka bertengkar. Orang teksi itu lalu memanggil polis menuduh bahawa teman saya itu sengaja menahan orang mahu naik teksi. Melihat itu saya berdiam dan buat-buat tidak faham apa yang dipertengkar mereka. Saya pun buat-buat marah dan mengangkat beg saya lalu saya bercakap dalam Bahasa Inggeris kepada mereka mengatakan saya tidak mahu naik teksi. Polis tercengang- “ Ia bercakap Bahasa Inggeris, aku tidak mengerti”, kata polis. Saya berkeras juga, saya tidak mahu naik teksi, saya angkat beg saya lalu keluar dari daerah itu mencari teksi berjalan ke tempat perhentian teksi di antara Jeddah ke Makkah. Dalam perjalanan itu baru teman saya bercerita, “Kalau tidak saya buat begitu tadi”, katanya, ia akan ditangkap dituduh mengacau muslihat orang-orang teksi. Saya bilang, “Bukan barang awak, ini barang-barang saya, saya berhak di mana saya mahu naik, tidak boleh dipaksa.”

Setibanya di tempat teksi jalan ke Makkah, saya pun menaikkan barang yang menunjukkan bahawa saya ada mempunyai surat-surat keterangan boleh naik ke Makkah. Surat keterangan yang disebut “Tanazal” itu bukannya surat kebenaran polis tetapi ialah surat dari syarikat bas yang memonopoli perjalanan orang-orang haji yang mesti dibayar kepada mereka sama ada ketika naik bas itu atau tidak. Bayaran itu


mesti dibayar dari Jeddah pergi Makkah bayarannya 11 riyal diambilnya nanti dari wang yang dibayar kepada Shaykh Jeddah. Kalau kita naik kenderaan lain, kita akan membayar kenderaan lain itu daripada bayaran bas yang ditentukan untuk kita. Itulah yang dikehendakkan dengan “Tanazal” dan peraturan memonopoli kenderaan yang berlaku dalam musim haji.

Apabila saya sampai di Makkah, saya tidak terus naik kepada Shaykh Mustafa Inderagiri di Qurrah tetapi saya pergi kepada shaykh lama saya iaitu Shaykh Mustafa Shibli Sarawak dan di sanalah saya tinggal menumpang selama di Makkah. Ini telah dipersetujui oleh Shaykh Mustafa Inderagiri sendiri kerana ia mengetahui bahawa perhubungan saya dengan Shaykh Mustafa Shibli Sarwak sebagai seorang yang bersaudara dan saya memandang Shaykh Mustafa Inderagiri sebagai

orang tua yang alim, yang soleh yang menjadi sahabat lama saya. Saya bershaykh kepada beliau kerana ada suatu perkara yang diperlukan yang tidak akan saya sebutkan di dalam rencana ini. Demikianlah saya sampai di Makkah dan disambut dengan ria oleh Shaykh Mustafa Shibli Sarawak. Tidak lama antaranya saya pun terus tawaf ke Ka’bah dan Sa’ī di antara Safa dan Marwah sebagai tawaf Qudum untuk menukar ihram yang saya pakai dari Zāhan.

Rupanya di dalam masa itu Shaykh Inderagiri berasa bimbang apakah saya telah selamat sampai atau belum, ia menghantar seorang suruhannya bertanya apakah saya telah tiba atau belum di tempat Shaykh Mustafa Shibli Sarawak kerana Shaykh Ibrahim Juda dari Jeddah telah menghantar seorang untuk memberitahu yang saya telah tiba.

**(bersambung)**



Ayub Khan bersama-sama al-Malik Faisal memberi hormat kepada barisan tentera di Karachi kerana menghormati lawatan persaudaraan al-Malik Faisal.